

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"OLEH itu, kita tidak boleh lari dari Allah. Orang yang tidak sembahyang bererti dia itu adalah orang yang lari dari Allah. Bagaimanakah mungkin orang yang lari dari Allah akan mendapat pertolongan-Nya?"
- Titah Sempena Majlis Israk dan Mikraj Tahun 1434 Hijrah / 2013 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK
4.49 4.59 6.17 6.39 12.23 3.27 6.28 7.38

TAHUN 64 / BILANGAN 42

8 APRIL 2019 / 1440 شعبان 2

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

Tumpaskan Tampines Rovers FC, 2 - 1



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan pasukan Brunei DPMM FC menentang pasukan Tampines Rovers FC pada perlawanan Liga Perdana Singapura. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah serta kerabat diraja yang lain. - Foto : Masri Osman.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman,
Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 April. - Pasukan Brunei DPMM FC terus mempersembahkan aksi cemerlang setelah berjaya menewaskan dan menghamparkan harapan pasukan

Tampines Rovers FC untuk sekurang-kurangnya berkongsi mata pada perlawanan Liga Perdana Singapura.

Ke muka 3

Tanda kebesaran Ilahi

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 April. - Ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala terhadap matahari, bumi dan cuaca adalah untuk kehidupan manusia.

Kenikmatan yang diperoleh oleh manusia selaku makhluk yang hidup di muka bumi Allah ini ialah sinaran matahari agar mendapat cuaca yang indah dan tenteram.

Perkara tersebut antara yang disampaikan oleh Pengarah Pusat

Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam pada siri Tazkirah Subuh yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien dengan tajuk 'Matahari, Bumi dan Cuaca Tanda-tanda Kebesaran Allah'.

Oleh itu, tambah Awang Haji Sammali, manusia sewajarnya perlu berfikir tentang kehebatan Maha Pencipta, iaitu Allah

Subhanahu Wata'ala yang telah menjadikan Matahari, Bumi dan Cuaca dengan begitu teratur agar manusia dapat mengukuhkan lagi keimanan dan ketaqwaan kepada-Nya. Kerana semua ini menunjukkan sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Allah supaya kita sentiasa akur dan patuh segala perintah Allah dan tidak sama sekali dengan undang-undang ketentuan Allah.

Manusia yang tidak memahami hakikat ini adalah manusia yang hanya memikirkan hawa nafsu dan akhirnya pasti akan mendapat hukuman Allah jua.

Ke muka 6

مانیسٹ ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya, sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 18.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn



PERBANYAKKAN
kemahiran
latihan

Muka 4



SEMBAHYANG
bentuk sifat
tabah

Muka 10



PELAJAR
cemerlang
diraikan

Muka 13